

13 JUN 1998

Mahathir-badan

BADAN TIDAK RASMI VETERAN UMNO UNTUK NASIHAT KEPIMPINAN UMNO

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini sebuah badan tidak rasmi yang dianggotai oleh veteran UMNO akan ditubuhkan untuk menasihati kepimpinan parti mengenai pelbagai isu termasuk ekonomi.

Beliau berkata badan itu yang akan dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan akan diketuai oleh bekas timbalan perdana menteri Tun Ghafar Baba.

Bercakap pada satu persidangan media selepas satu perjumpaan dengan veteran UMNO di sini, Dr Mahathir berkata keputusan itu diambil kerana veteran UMNO merasa mereka berupaya memberi penerangan kepada rakyat khususnya di luar bandar mengenai kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir berkata mekanisme jawatankuasa itu belum ditentukan tetapi ia akan berfungsi sebagai penasihat dan pemberi maklumat kepada kepimpinan dan Majlis Tertinggi UMNO.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa jawatankuasa itu tidak akan memaksa pandangannya diterima oleh kepimpinan UMNO.

Mengenai perjumpaan itu, Dr Mahathir berkata ia diadakan kerana Ghafar, sebagai seorang veteran UMNO, telah menawarkan diri untuk membantu menerangkan kegawatan ekonomi kepada penduduk di luar bandar khususnya.

Beliau berkata memandangkan banyak anggota veteran UMNO juga menunjukkan minat yang sama, maka perjumpaan itu diadakan.

Pada perjumpaan itu, kira-kira 300 orang veteran UMNO diberi penerangan mengenai masalah ekonomi yang dihadapi negara supaya mereka boleh membantu menjelaskannya kepada orang ramai.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor.

Para veteran UMNO itu tidak membangkitkan banyak perkara pada perjumpaan itu kecuali yang berkaitan dengan peranan veteran dalam membantu kepimpinan UMNO, kata Dr Mahathir, yang yakin mereka dapat memainkan peranan dalam parti.

Ketika ditanya bagaimana perhimpunan agung UMNO minggu depan dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan anggota, beliau berkata perpaduan di dalam UMNO adalah sangat baik.

"Sudah tentu ada orang luar terutamanya media asing yang cuba menunjukkan bahawa adanya perbezaan di antara saya dan timbalan saya (Datuk Seri Anwar Ibrahim)," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kenyataan-kenyataan tertentu telah dianalisis dan kemudian digunakan sebagai bukti bahawa terdapat perbezaan di antara mereka.

"Ia tidak benar. Kami boleh bekerjasama dengan baik.

"Sudah tentu ada masalah yang dihadapi tetapi kami bekerjasama dengan baik," kata beliau.

Dr Mahathir berkata perhimpunan agung UMNO itu akan menghasilkan pemahaman yang lebih baik mengenai masalah itu di kalangan anggota-anggota parti.

"Mungkin terdapat kritikan tetapi ia adalah perkara biasa dalam UMNO," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada beliau berharap untuk mendapatkan maklum balas daripada para perwakilan mengenai keadaan ekonomi negara sekarang, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak dapat meramalkannya, saya sentiasa mengharapkan yang terbaik."

Ditanya sama ada media tempatan juga terikut-ikut dengan perkara-perkara negatif yang dibangkitkan oleh media asing, Dr Mahathir berkata: "Ya, nampaknya ada juga kecenderungan yang menggambarkan penerimaan saranan yang dibuat oleh media asing."

Beliau berkata ada perkataan-perkataan yang digunakan oleh media asing "nampaknya kita ambil (pick up) dan menggunakannya seolah-olah ia menjadi satu kenyataan satu kebenaran."

Tun Ghafar Baba, Tan Sri Musa Hitam, Tan Sri Khir Johari, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Tan Sri Aishah Ghani ialah antara kira-kira 300 veteran yang hadir pada perjumpaan itu.

Sementara itu, apabila diminta menjelaskan seruan beliau supaya kadar faedah dikurangkan Dr Mahathir berkata, bank-bank harus mengurangkan "julat" kadar faedah supaya para pelanggan boleh membuat pinjaman dan bank-bank tidak kehilangan urusan niaga.

"Saya telah meminta kadar faedah dikurangkan iaitu kadar faedah efektif. Kadar faedah itu tinggi kerana kos pembiayaan...tetapi 11 peratus bukan tinggi.

"Jadi kos pembiayaan menyebabkan kadar faedah melonjak hingga 15-16 peratus," katanya dengan menekankan "ia tidak patut".

Perdana Menteri berkata, bank-bank boleh mendapat keuntungan tetapi jangan cuba dapatkan keuntungan yang terlalu banyak semasa kegawatan sekarang ini.

Apabila perniagaan-perniagaan berjaya mereka akan membayar balik pinjaman tetapi jika bank-bank menyebabkan mereka gagal maka mereka (bank) akan kehilangan wang yang dipinjamkan.

Jika keadaan begitu berlaku, kerajaan juga akan kerugian kerana jika syarikat-syarikat tidak membuat keuntungan, kerajaan tidak dapat mengutip cukai, katanya.

-- BERNAMA

ES MNY PR